



## KEJOHANAN JALANRAYA KEBANGSAAN 20HB – 23HB JULAI 2023 BUKIT KATIL, MELAKA



# PERATURAN SPESIFIK KEJOHANAN

### **1.0 PERATURAN AM**

- 1.1 Selain daripada peraturan-peraturan yang terkandung di dalam Peraturan ini, pertandingan ini akan dijalankan mengikut peraturan-peraturan **Union Cycling Internationale (UCI)** yang terkini.
- 1.2 Sekiranya berlaku sebarang pelanggaran peraturan samada yang terkandung di dalam Peraturan Spesifik Perlumbaan atau Peraturan UCI, pihak pengajur atau panel komisar berhak membatalkan (disqualification) atau menurunkan kedudukan (relegation) atau denda (fine) atau amaran (warning) kepada mana-mana individu yang terlibat dengan perlanggaran peraturan ini (pelumba atau pegawai pasukan atau pasukan).
- 1.3 Kadar amaun denda walaupun mengikut carta UCI akan tetapi nilainya dalam Ringgit Malaysia (RM).
- 1.4 Semua keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan, "Kejohanan Jalanraya Kebangsaan 2023" adalah muktamad.

### **2.0 TARIKH DAN VENUE KEJOHANAN**

Kejohanan ini akan berlangsung pada 20hb – 23hb JULAI 2023 di Bukit Katil, Melaka.

### **3.0 PENYERTAAN**

Penyertaan adalah terbuka kepada semua Ahli Gabungan Persekutuan Kebangsaan Berbasikal Malaysia (PKBM) sahaja kecuali bagi Kategori Lelaki Open, Lelaki Master (bagi acara Ujian Masa Perseorangan), Lelaki Master A dan Master B (bagi acara Lepas Beramai-ramai).

### **4.0 KATEGORI UMUR PELUMBA**

#### **4.1 UJIAN MASA PERSEORANGAN**

- 4.2.1 Kategori umur pelumba adalah yang ditetapkan seperti berikut:

KATEGORI	UMUR	TAHUN DILAHIRKAN
JUNIOR: Lelaki/Wanita	16 – 18 tahun	2005, 2006 dan 2007
U23: Lelaki	19 – 22 tahun	2001, 2002, 2003 & 2004
ELITE: Lelaki/Wanita	19 tahun ke atas	2004 & tahun-tahun sebelumnya
MASTER: Lelaki	35 tahun ke atas	1988 & tahun-tahun sebelumnya

4.2.2 Penyertaan adalah terbuka kepada semua Ahli Gabungan Persekutuan Kebangsaan Berbasikal Malaysia (PKBM) serta pasukan Benua sahaja kecuali bagi Kategori Lelaki Master.

#### **4.2 LEPAS BERAMAI-RAMAI**

4.2.1 Kategori umur pelumba adalah yang ditetapkan seperti berikut:

KATEGORI	UMUR	TAHUN DILAHIRKAN
JUNIOR: Lelaki/Wanita	16 – 18 tahun	2005, 2006 dan 2007
U23: Lelaki	19 – 22 tahun	2001, 2002, 2003 & 2004
ELITE: Lelaki/Wanita	19 tahun ke atas	2004 & tahun-tahun sebelumnya
OPEN: Lelaki	19 – 34 tahun	2004 hingga 1989
MASTER A: Lelaki	35 – 44 tahun	1979 hingga 1988
MASTER B: Lelaki	45 tahun ke atas	1978 & tahun-tahun sebelumnya

4.2.2 Penyertaan adalah terbuka kepada semua Ahli Gabungan Persekutuan Kebangsaan Berbasikal Malaysia (PKBM) serta pasukan Benua sahaja kecuali bagi Kategori Lelaki Open, Lelaki Master A dan Lelaki Master B.

4.3 Bagi Kategori JUNIOR Lelaki dan Wanita, pelumba-pelumba yang berumur 16 tahun dibenarkan mengambil bahagian tetapi nama mereka akan dikeluarkan dari senarai peserta semasa keputusan rasmi kejohanan dihantar kepada UCI.

#### **5.0 LESEN**

Semua pelumba dan pegawai pengiring pasukan (Pengurus, Jurulatih, Mekanik, dll.) diwajibkan mempunyai Lesen Berbasikal (UCI) yang sah dikeluarkan oleh Persekutuan Kebangsaan Berbasikal Malaysia (PKBM) bagi tahun 2023. Lesen ini mestilah dibawa bersama-sama untuk diserahkan semasa Pemeriksaan Lesen oleh Komisar bertugas.

**Mana-mana atlet yang tidak mempunyai lesen tidak akan dibenarkan bertanding dan sebarang permohonan baru semasa mesyuarat pengurus tidak akan dipertimbangkan.**

#### **6.0 JADUAL KEJOHANAN**

6.1 Jadual perlumbaan adalah seperti di lampiran.

6.2 Pihak penganjur berhak membuat pindaan atau rombakan kepada jadual perlumbaan ini sekiranya didapati perlu.

## 7.0 PENGESAHAN PENDAFTARAN PELUMBA, PEMERIKSAAN LESEN DAN JERSI

- 7.1 Semua pasukan dimestikan menghantar senarai lengkap pelumba mereka kepada pihak pengajur menggunakan Borang Pendaftaran yang telah dibekalkan. **Senarai lengkap pelumba ini mestilah dihantar secara email kepada pihak pengajur sebelum 15hb Julai 2023.** Pihak pengajur berhak menolak senarai nama pelumba yang dihantar selepas dari tarikh yang ditetapkan ini.
- 7.2 **Pengesahan pendaftaran pelumba, pemeriksaan Lesen dan Jersi akan diadakan pada 20hb Julai 2023, jam 11.30 – 2.30 ptg bertempat di Bilik Mesyuarat JAPERUN Dun Bukit Katil, Melaka. Sila bawa bersama lesen UCI tahun 2023 dan jersi pelumba.**

Pengurus-Pengurus Pasukan dikehendaki mengesahkan senarai nama peserta bersama dengan acara yang akan disertai. Senarai peserta dan acara yang disahkan semasa pengesahan pendaftaran ini adalah muktamad.

## 8.0 MESYUARAT PENGURUS PASUKAN

Mesyuarat Pengurus Pasukan akan diadakan pada **20hb Julai 2023, jam 3.00 petang bertempat di Bilik Mesyuarat JAPERUN Dun Bukit Katil, Melaka.** Semua pengurus pasukan diwajibkan hadir di dalam mesyuarat ini dan setiap keputusan yang diputuskan dalam mesyuarat ini adalah muktamad.

## 9.0 PERATURAN KHAS KEJOHANAN

### 9.1 UJIAN MASA PERSEORANGAN

- 9.1.1 Setiap negeri/ pasukan dibenarkan menghantar tidak lebih dari dua (2) orang pelumba bagi setiap kategori dan terhad kepada dua (2) pasukan sahaja.
- 9.1.2 Setiap pelumba akan dilepaskan setiap 1 minit giliran yang telah diundi semasa Mesyuarat Pengurus Pasukan.
- 9.1.3 Tarikh dan masa Pelepasan Pelumba adalah seperti mana yang tercatit di dalam Jadual Kejohanan dan Senarai Mula.
- 9.1.4 Setiap pelumba akan diiringi oleh Marshall dan kenderaan pasukan.
- 9.1.5 Pelumba yang mencatatkan masa yang terbaik akan diistiharkan sebagai Pemenang.
- 9.1.6 Semua basikal yang digunakan adalah dikehendaki mematuhi ukuran yang telah diluluskan oleh UCI. Setiap pelumba wajib untuk membawa basikal untuk Pemeriksaan sekurang-kurangnya 30 minit sebelum masa Kejohanan. Basikal yang telah diperiksa tidak dibenarkan untuk dibawa keluar daripada kawasan Pemeriksaan.
- 9.1.7 Penggunaan basikal ITT (Ujian Masa Perseorangan) adalah dibenarkan.

9.1.8 Lain-lain Peraturan yang terkini akan dibincangkan dan diputuskan semasa Mesyuarat Pengurus Pasukan. Keputusan yang dibuat di dalam mesyuarat adalah muktamad.

## 9.2 LEPAS BERAMAI-RAMAI

9.2.1 Setiap negeri/ pasukan dibenarkan menghantar tidak lebih dari enam (6) orang pelumba bagi setiap kategori dan terhad kepada dua (2) pasukan sahaja.

9.2.2 Tarikh dan masa Pelepasan Pelumba adalah sepetimana yang tercatit di dalam Jadual Kejohanan.

9.2.3 Semua pelumba diwajibkan menurunkan tandatangan mereka di Borang Pengesahn Pelumba (Sign On Sheet). "Signing On Sheet" akan bermula 1 jam 10 minit sebelum perlumbaan dan tamat 10 minit sebelum perlumbaan dilepaskan.

Panel Komisar berhak membatalkan penyertaan atau membatalkan kemenangan mana-mana pelumba yang gagal untuk menurunkan tandatangan mereka di Borang Pengesahan Pelumba (Sign On Sheet). *Article 2.3.009 & 2.12.007 (1.1) – UCI Regulations.*

9.2.4 Hanya satu (1) buah kenderaan bagi setiap pasukan dibenarkan untuk mengiringi pelumba semasa di dalam Kejohanan. Ketinggian kenderaan tersebut mestilah tidak melebihi 1.66m (tidak termasuk 'roof rack').

Susunan kenderaan di dalam convoy perlumbaa bagi setiap kategori adalah berdasarkan keputusan bagi acara Ujian Masa Perseorangan.

9.2.5 FEEDING akan bermula selepas jarak perlumbaan 20km dan akan tamat 10km sebelum perlumbaan tamat di belakang kenderaan komisar atau seperti diarahkan oleh pihak Komisar. FEEDING melalui kenderaan pasukan sahaja yang dibenarkan.

9.2.6 Lain-lain Peraturan yang terkini akan dibincangkan dan diputuskan semasa Mesyuarat Pengurus Pasukan. Keputusan yang dibuat di dalam mesyuarat adalah muktamad.

## 10.0 HELMET, JERSI DAN KASUT

10.1 Semua pelumba dimestikan memakai hard shell yang bersesuaian dan mempunyai ciri-ciri keselamatan. Pihak penganjur atau komisar berhak menghalang pelumba-pelumba yang tidak menggunakan helmet yang bersesuaian dan mempunyai ciri-ciri keselamatan daripada menyertai kejohanan.

10.2 Semua pelumba diwajibkan memakai jersi pasukan yang diwakilinya seperti pasukan Negeri, pasukan Benua serta kelab-kelab Ahli Gabungan Persekutuan Kebangsaan Berbasikal Malaysia. Jersi mestilah seragam.

10.3 Pelumba hendaklah memakai pakaian yang sesuai dengan perlumbaab basikal. Pemakaian Jeans, jersi tidak berlengan (sleeveless), berselipar atau sandal adalah di larang sama sekali. Pihak komisar mempunyai kuasa untuk melarang pelumba dari berlumba jika terdapat etika pemakaian yang tidak melambangkan semangat Kejohanan Berbasikal.

## 11.0 NOMBOR PELUMBA DAN NOMBOR BASIKAL

- 11.1 Semua pelumba akan dibekalkan dengan dua (2) keping nombor pelumba dan satu (1) keping nombor basikal. Nombor pelumba dan nombor basikal mestilah dalam keadaan asal dan sempurna, tidak boleh dipotong atau dilipat. Sebarang pengubahsuaian nombor-nombor tersebut adalah dilarang sama sekali.
- 11.2 Nombor pelumba mestilah diletakkan/dipinkan dalam keadaan sempurna; seperti Gambarajah sebelah.



## 12.0 GEARING BAGI AKTEGORI JUNIOR LELAKI DAN JUNIOR WANITA

- 12.1 Basikal pelumba-pelumba bagi kategori Junior Lelaki dan Junior Wanita mestilah dikunci mengikut '*gear ratio*' yang telah ditetapkan seperti berikut:

MAX. GEAR RATIO	CHAINRING & SPOKET	ROLL OUT	
		Meter	Inches
7.8 M atau 100 Inches	34 X 11	6.5	83.45
	36 X 11	6.9	88.36
	39 X 11	7.5	95.73
	42 X 12	7.4	94.50
	50 X 14	7.5	96.43
	52 X 14	7.8	100.29
	53 X 15	7.4	95.40

- 12.2 Semua pelumba di bawah kategori di atas mestilah membawa basikal mereka untuk menjalani Pemeriksaan '*gearing*' oleh pihak komisar sebelum mereka menandatangani '*sign on sheet*'.
- 12.3 Sebaik sahaja pelumba-pelumba menamatkan perlumbaan mereka, lima (5) pelumba terbaik, akan dikenakan pemeriksaan basikal bagi memastikan mereka telah menggunakan "*gearing*" yang telah ditetapkan.
- 12.4 Semasa pemeriksaan basikal ini dibuat, sekiranya didapati mereka telah gagal mematuhi Garis Panduan Penetapan Gearing sepertimana yang telah

ditetapkan, pihak Panel Komisar berhak membatalkan kemenangan pelumba-pelumba tersebut.

### **13.0 MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH**

- 13.1 Pingat kemenangan serta hadiah wang tunai bagi setiap kategori akan disediakan dari tempat pertama hingga ketiga.
- 13.2 Semua pemenang mesti berada di tempat penyampaian hadiah pada masa yang telah ditetapkan.
- 13.3 Pemenang-pemenang (lelaki dan wanita) diwajibkan memakai jersi dan track bottom, memakai kasut track atau kasut sukan.
- 13.4 Pemenang-pemenang yang terlibat tidak dibenarkan memakai kacamata jenis ‘sun-glass’ dan juga topi semasa menaiki podium untuk menerima hadiah.
- 13.5 Pemenang tidak dibenarkan membawa bendera semasa menaiki podium untuk upacara penyampaian hadiah.

### **14.0 BANTAHAN/ TATATERTIB**

- 14.1 Semua pelumba/pasukan boleh membuat bantahan. Bantahan hendaklah dibuat secara bertulis dengan disertakan wang pertaruhan berjumlah RM 200.00 tunai kepada Panel Komisar dalam tempoh masa lima belas (15) minit selepas keputusan rasmi sesuatu kategori diumumkan.
- 14.2 Sekiranya aduan bantahan atau rayuan itu munasabah dan diterima oleh Panel Komisar, maka wang pertaruhan itu akan dikembalikan dan satu keputusan bersesuaian akan dibuat berhubung dengan aduan, bantahan atau rayuan itu.
- 14.3 Wang pertaruhan itu akan lucut hak (tidak akan dikembalikan) dan menjadi pendapatan kepada pengajur sekiranya aduan, bantahan atau rayuan itu didapati tidak munasabah atau ditolak.

### **15.0 HAL-HAL LAIN**

- 15.1 Bagi acara berbentuk perlumbaan beramai-ramai (Mass Start), semua pelumba mestilah memasuki kawasan trek perlumbaan dari bahagian hadapan (home straight) dan keluar dari bahagian belakang (back straight).
- 15.2 Pihak pengajur tidak akan bertanggungjawab sekiranya berlaku sebarang kecederaan, kemalangan, kematian atau kerosakan serta kehilangan harta benda, sebelum, semasa atau selepas pertandingan ini berlangsung.
- 15.3 Sebarang pindaan akan diputuskan di dalam Mesyuarat Pengurus Pasukan. Keputusan yang dibuat di dalam Mesyuarat Pengurus Pasukan adalah muktamad.